

**KERAJAAN  
CAMPURAN  
PERIKATAN-PAS**





19/194 DEC 1974



## Siaran Terhad

*Butir-butir penerangan di dalam buku ini adalah berasaskan kepada penerangan yang telah diberi oleh YAB Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein di perjumpaan khas Ketua-ketua UMNO mengenai perkara di dalam tajuk buku ini yang diadakan di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 22hb Disember, 1972, jam 9.00 pagi.*

## Latar Belakang

UMNO telah ditubuhkan lebih kurang 26 tahun dahulu dengan tujuan untuk menebus kemerdekaan Tanah Melayu. Di dalam usaha-usaha untuk mencapai matlamat tersebut, UMNO telah berjaya menarik sejumlah besar golongan orang-orang keturunan Cina dan India di bawah lambang pergerakan MCA dan MIC. Tetapi sejumlah besar bilangan orang Melayu tidak dapat bersama dengan perjuangan UMNO ini. Orang-orang Melayu ini yang menentang dasar perjuangan UMNO telah bergabung di bawah satu pertubuhan yang hari ini dikenali sebagai PAS atau PMIP. Mulai dari tarikh tersebut perjuangan politik orang-orang Melayu telah mengikut tiga aliran. Pertama, aliran yang dipandu oleh UMNO dan Perikatan; kedua, aliran yang dipandu oleh PAS atau PMIP; dan ketiga, aliran yang dipandu oleh Parti-parti lain seperti Parti Rakyat, Parti Negara dan sekarang ini Gerakan, DAP dan Pekemas. Perbezaan politik orang Melayu ini telah berpanjangan sehingga sekarang, walaupun negara kita telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

Berikutan dengan trajidi 13 Mei, 1969, beberapa perubahan politik telah berlaku di negara kita dan satu pertukaran besar berlaku iaitu pertukaran bimbingan Kerajaan yang dipimpin oleh YTM Tunku Abdul Rahman kepada YAB Tun Abdul Razak. Pertukaran bimbingan ini diikuti dengan perubahan beberapa dasar pentadbiran dan juga cara pergerakan politik. Satu daripadanya ialah menguatkan kedudukan parti dan pelaksanaan konsep parti mendukung Kerajaan. Selain daripada beberapa pertukaran corak yang besar yang kita sedia maklum, pada awal tahun 1972 YAB Perdana Menteri telah menyuarakan satu rancangan iaitu sekiranya Perikatan dapat bekerjasama dengan beberapa parti politik bukan Melayu di beberapa buah Kerajaan Negeri dengan jayanya, tidak bolehkah UMNO bekerjasama dengan parti pembangkang terutama PAS dari segi kepentingan bangsa dan negara. Hakikat ini telah diakui oleh kedua-dua pihak PAS dan UMNO. Pada pertengahan tahun 1972, saranan oleh YAB Tun telah disambut baik oleh Datuk Asri, pemimpin Agung PAS untuk bekerjasama dengan UMNO demi untuk kepentingan bangsa, negara dan ugama. Pada akhir tahun 1972, beberapa perundingan telah diadakan di antara beberapa pemimpin

UMNO dan PAS dan pada 27hb Disember, 1972 termeterilah persefahaman di dalam satu perjanjian yang diadakan, menjadikan konsep Kerajaan Campuran satu realiti.

Konsep Kerajaan Campuran ini merupakan satu langkah lagi ke hadapan bagi melaksanakan hasrat YAB Perdana Menteri untuk menuhkan satu National Front atau Barisan Kebangsaan bagi menjamin kejayaan, membantu rakyat dan pembangunan ekonomi dan masyarakat yang lebih adil, kuat dan makmur di Malaysia ini.

Mengikut YAB Perdana Menteri di dalam rundingan yang diadakan oleh pemimpin-pemimpin PAS dan pemimpin-pemimpin UMNO sangatlah jelas bahawa tidak ada apa-apa perbezaan tentang matlamat perjuangan PAS atau UMNO. YAB Tun juga telah berpendapat bahawa sokongan Parti Islam kepada pindaan Perlembagaan dan pada Dasar Ekonomi Baru Kerajaan Perikatan di dalam Parlimen pada tahun 1971 dahulu membuktikan persefahaman tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh bangsa dan negara telah ujud di kalangan parti PAS.

### **Asas Perundingan**

Asas Perundingan di antara PAS dan Perikatan ialah pertama, PAS menegaskan keutamaan kepada memelihara kebesaran ugama Islam dan usaha melaksanakan dasar Kerajaan untuk meninggikan ugama Islam. Sebagaimana kita tahu, Kerajaan Perikatan telahpun menjalankan segala langkah-langkah dan usaha-usaha untuk meninggikan dan menyebarkan ugama Islam di Malaysia dalam berbagai-bagai segi dan cara. Apa yang diperjuangkan oleh PAS selama ini telahpun diperjuangkan oleh UMNO sejak mula-mula lagi UMNO mendukungan Kerajaan. Ini adalah merupakan satu kejayaan besar bagi UMNO untuk mendapatkan pengakuan dari PAS untuk berjuang sama-sama dengan UMNO di dalam aspek-aspek ugama Islam.

### **Melaksanakan Konsep Kerajaan Campuran**

Konsep Kerajaan Campuran ini dilaksanakan pada kedua-dua peringkat Negeri dan Pusat, yakni Parti Islam akan menjadi anggota Kerajaan. Di peringkat Kebangsaan, parti PAS adalah diwakili oleh

YAB Datuk Haji Asri, Presiden dan Menteri Besar Kelantan sebagai Menteri Kerajaan di dalam Kabinet Kerajaan Pusat. Di samping itu, seorang anggota PAS juga telah dilantik menjadi Setiausaha Parlimen. Di peringkat negeri pula, persetujuan telah tercapai: dimana Perikatan akan mendapat 2 kerusi Exco di Kelantan dan sebaliknya PAS akan mendapat 2 kerusi Exco di Trengganu dan Kedah. Selain dari itu persetujuan ini membolehkan Kerajaan Perikatan mengambil pemimpin-pemimpin dari PAS yang berkelayakan dan menasabah menjadi anggota-anggota jawatankuasa, lembaga-lembaga dan badan-badan berkanun. Pihak PAS juga telah bersetuju akan menerima pemimpin-pemimpin UMNO di Kelantan untuk menjadi anggota-anggota badan-badan berkanun di negeri itu.

Sebuah Jawatankuasa Penyelaras telah ditubuhkan dan anggotanya adalah terdiri sama banyak di antara PAS dengan UMNO. Bagi pihak UMNO, ahli-ahlinya adalah terdiri dari Timbalan Perdana Menteri YAB Tun Dr. Ismail, Menteri Besar Kelantan, Menteri Besar Kedah, Tengku Razaleigh dan juga Setiausaha Agung UMNO dan 2 orang ahli yang lain.

#### **Kedudukan Kerusi-kerusi Pilihanraya Yang Jatuh Kosong dan Kerusi-kerusi Lain**

- (a) Bagi tempoh pilihanraya yang berjalan sekarang, kerusi yang dipegang oleh Perikatan tidak akan dipertandingkan dengan PAS dan begitu juga kerusi-kerusi yang dipegang oleh PAS tidak akan dipertandingkan dengan Perikatan. Berkenaan dengan kawasan-kawasan yang dimenangi oleh PAS pada tahun 1969, tetapi anggota-anggotanya atau wakil-wakil rakyat yang masuk UMNO, sekiranya pilihanraya diadakan, kedudukan kerusi-kerusi ini hendaklah dirundingkan.
- (b) Di kawasan-kawasan pilihanraya parti yang lain yang jatuh kosong akan dirunding dan dipertimbangkan menurut keadaan samada kawasan-kawasan ini akan dipertandingkan oleh Perikatan atau PAS.
- (c) Persetujuan mengenai kedudukan pilihanraya umum akan datang belum dirundingkan lagi.

## **Dasar UMNO Tidak Berubah**

Sebagaimana yang diketahui, parti UMNO dan Perikatan adalah sebuah parti teragung dan terkuat sekali dalam negara ini dan dasar parti UMNO tidak berubah dengan wujudnya Kerajaan Campuran Perikatan – PAS ini. Walau bagaimanapun, dengan wujudnya Kerajaan Campuran ini dengan tidak secara langsung PAS dengan nyatanya telah menerima konsep dan dasar perjuangan UMNO dan Kerajaan Perikatan: kalau tidak, masakan PAS mahu bekerjasama apa lagi masuk berkongsi dengan UMNO memerintah Malaysia dan Negeri Kelantan, Kedah dan Trengganu.

## **Kejayaan Kerajaan Campuran**

PAS dan UMNO adalah merupakan dua buah parti Melayu yang teragung yang telah bertentangan sejak mula-mula kita memperjuangkan kemerdekaan negara. Oleh yang demikian, pelaksanaan Kerajaan Campuran ini di semua peringkat akan memakan masa yang berlanjutan. Tetapi sebagaimana YAB Tun telah menasihatkan ahli-ahli UMNO sekalian bahawa kita sebagai parti yang besar yang memegang tampuk Kerajaan sekarang, mustahaklah bertimbang rasa memandangkan kepentingan bangsa dan negara bagi masa yang akan datang. Sekiranya kita faham akan nasihat ini, maka dengan adanya Kerajaan Campuran ini, perpaduan di kalangan orang Melayu haruslah menjadi bertambah kuat dan meluas dan ini akan mendatangkan kestabilan kepada negara dan kemakmuran rakyat. Sungguhpun tidak ada lagi pertentangan antara kita, tetapi kejayaan pelaksanaan Kerajaan Campuran di semua peringkat terutama sekali di peringkat bawah adalah menolong kita menjaga supaya kedua-dua pihak hormat menghormati persetujuan yang telah tercapai serta bersama-sama mentadbirkan negara untuk kemajuan dan kemakmuran rakyat jelata.

## **Zaman Ketenangan**

Dengan lahirnya Kerajaan Campuran Perikatan – PAS ini menimbulkan tanda-tanya yang besar di kalangan orang-orang yang mengikuti perkembangan demokrasi, malahan ada pemerhati-pemerhati luar negeri memandang soal ini suatu hal yang tidak mungkin terjadi di negara ini dalam mana parti kerajaan masih kukuh dengan kelebihan kerusi dua pertiga dalam Parlimen. Mungkin Kerajaan Campuran itu

berlaku manakala sesuatu parti politik itu tidak mendapat kerusi yang cukup bagi mendirikan Kerajaan kecuali dengan percampuran dengan parti-parti yang lain, tetapi tidak seperti halnya dengan Perikatan yang masih kukuh dan berupaya menjalankan pentadbiran Kerajaan Pusat.

Kesanggupan pemimpin-pemimpin Perikatan berbuat demikian bukanlah menunjukkan kelemahan parti dan tidak pula menunjukkan kelemahan Kerajaan yang dipimpin oleh parti, tetapi kesanggupan itu ujud semata-mata kerana kepentingan nasional dan masa depan Malaysia. Kepentingan-kepentingan itu telah mengatasi dari seluruh kepentingan, dan dengan kerana itu Perikatan bersedia menerima PAS ke dalam Kerajaannya.

Kemasukan PAS ke dalam Kerajaan tidak boleh diertikan sebagai suatu kemenangan kepada PAS kerana kedua-dua pemimpin, YAB Tun dan Datuk Asri pernah menyatakan bahawa tidak siapa yang menang dan tidak siapa yang kalah dalam perkara ini, tetapi yang menang ialah BARISAN KEBANGSAAN dan rakyat yang mahu persengketaan parti-parti ditamatkan. Sekarang zaman ketenangan itu telah ujud, persengketaan telah berhenti dan persefahaman mulai menjalar. Cuma yang dipersoalkan sekarang ini sejauh manakah persefahaman itu dapat dilakukan dalam semua peringkat, dari pucuk pimpinan sampai ke cawangan-cawangan dan ranting-ranting serta orang perseorangan.

### **Barisan Kebangsaan**

Kita telah melahirkan cita-cita perpaduan kebangsaan dimana parti-parti politik yang sanggup menerima konsep kita akan diterima sebagai kawan dalam Barisan Kebangsaan. Dan lanjutan dari gagasan Barisan Kebangsaan ini telah melahirkan kerajaan-kerajaan campuran: di Sarawak, Perikatan dengan SUPP; Perak, Perikatan dengan PPP; Kelantan, Kedah dan Trengganu, Perikatan dengan PAS; Pulau Pinang, Perikatan dengan Gerakan. Barisan Kebangsaan ini nampaknya bertambah kuat dan stabil.

Ini bererti Barisan Kebangsaan bolehlah dianggap sebagai mewakili rakyat Malaysia yang teramai. Adapun tujuan besar Barisan Kebangsaan ialah bagi menyatupadukan pandangan dan kegiatan-kegiatan

rakyat kepada pembangunan negara sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Seperti yang sentiasa dinyatakan oleh YAB Tun Abdul Razak, tujuan pembentukan Barisan Kebangsaan dan juga lahirnya Kerajaan Campuran ialah bagi mengurangkan kegiatan-kegiatan politik dari parti-parti politik supaya dapat diwujudkan ketenangan politik dan seluruh tenaga rakyat dapat digembelangkan untuk mencapai cita-cita pembangunan.

### **Menjamin Kekuatan UMNO**

Sungguhpun wujudnya kerjasama ini tidak pula bererti bahawa kegiatan UMNO sebagai satu parti politik yang mempunyai organisasi yang tersusun itu patut diabaikan. Kekuatan kita sebagai parti politik yang berkuasa sekarang ini harus dilipatgandakan. Susunan pentadbiran dari Pusat sampai ke Bahagian-bahagian dan Cawangan-cawangan sedang disusun semula dengan giatnya. Penyusunan ini merupakan sebagai satu sumber bagi melahirkan kekuatan parti kita dari semua peringkat, kerana dengan kekuatan parti inilah sahaja akan terjaminnya kestabilan politik dan tercapainya cita-cita kebangsaan kita.

Tektik politik kita sekarang bukan sahaja setakat mengadakan rapat-rapat umum dan ceramah-ceramah tetapi berusaha menyedarkan rakyat betapa pentingnya perpaduan dan betapa mustahaknya Barisan Kebangsaan dan Kerajaan Campuran dari segi kestabilan politik jangka panjang dan pembangunan negara. Ketenangan politik ertinya segala usaha-usaha politik yang dianjurkan oleh parti tidak lagi menuju kepada mengecam parti-parti yang sekarang ini telah masuk ke dalam Barisan Kebangsaan, tetapi meniupkan rasa kesedaran dan keinsafan, rasa persaudaraan dan muhibbah agar Barisan Kebangsaan benar-benar merupakan barisan rakyat yang berjuang dengan satu cita-cita, satu matlamat dan satu tujuan iaitu melahirkan masyarakat Malaysia yang bersatu-padu, dinamis dan progresif. Kecaman-kecaman kita boleh dituju kepada parti-parti pembangkang yang berpura-pura hendak membela rakyat tetapi sebenarnya bermain dengan api perkauman secara diam-diam atau terbuka — DAP, Parti Rakyat, Pekemas dan SNAP di Sarawak.

### **Masa Depan Kita**

Tugas yang kita hadapi dua tiga tahun hadapan ini amatlah

berat oleh kerana hendak mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam rancangan Malaysia Kedua. Dengan ujudnya Kerajaan Campuran ini, kita semakin hampir kepada pembentukan Barisan Kebangsaan yang akan memberikan jaminan besar untuk keteguhan negara. Walaupun demikian, masa depan kita ini adalah bergantung kepada kejayaan Kerajaan Campuran. Kejayaan Kerajaan Campuran adalah bergantung semata-mata kepada semangat kejujuran yang mesti dikekalkan oleh kedua-dua pihak supaya pelaksanaan Kerajaan Campuran ini berjalan dengan teratur dan sempurna demi kepentingan matlamat-matlamat kita.

### **Pesanan dari YAB Tun Presiden**

YAB Tun Presiden telah menasihatkan kepada semua bahawa ada beberapa pihak dan golongan-golongan samada dalam negeri ataupun luar negeri yang menjalankan hasutan terhadap pihak PAS khasnya dan cuba supaya menghalang cadangan untuk menubuhkan Kerajaan Campuran. YAB Tun juga menasihatkan bahawa kita faham akan adanya pemuda-pemuda luar parti Kerajaan membantah kuat atas Kerajaan Campuran dan mereka itu tidak harus mempengaruhi kita. Walaupun demikian, Kerajaan Perikatan di bawah pimpinan Tun Razak hari ini telah menegaskan bahawa ianya tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana pihak khasnya kuasa-kuasa luar. Pemimpin-pemimpin kita menegaskan bahawa mereka akan menjalankan dasar kita berpandu semata-mata kepada kepentingan negara dan rakyat dan akan menjalankan tugas-tugas mereka dengan semangat yang kuat dan jiwa yang bersih.

Sebagaimana kita tahu Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan demokrasi dan sekiranya orang-orang Melayu lemah, semasa di tangan orang Melayu sendiri dan orang Melayu boleh dibeli dengan wang ringgit, maka masa depan kita sangatlah membimbangkan dan mungkin gelap. Kita dan Kerajaan kita akan tenggelam kerana kita sendiri. Oleh yang demikian kita harus sedar dan mengambil langkah-langkah bagi menjaga kepentingan bangsa dan negara. Tetapi sekiranya kita tidak terus berwaspada, maka kita sebagai bangsa Melayu tidak akan dapat tempat yang sempurna dan kuasa politik yang ada di tangan kita harus akan luput dari tangan kita akibat kita tidak bersatupadu dan kecurangan siasah kita.

**Kenyataan Bersama Tun Abdul Razak bin Hussein dan Datuk Mohd. Asri bin Haji Muda dalam Perisytiharan Rasmi Pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-Pas pada 28hb Disember 1972 di Pejabat Perdana Menteri, Kuala Lumpur.**

Bismillahirrahmannirrahim.

Segala puji bagi Allah, salawat kepada Rasul-Rasulnya.

“BAHAWA memandang kepada gelora politik tanahair yang memerlukan penyatuan seluruh tenaga untuk mencapai cita-cita kestabilan politik, kemajuan ekonomi dan pembangunan peribadi rakyat serta identiti masyarakat; dan

“BAHAWA memandang kepada usaha-usaha pembangunan yang mesti terus menerus dihidupsuburkan dalam mana pembangunan lahiriah, yang dalam hal ini nilai-nilai ketuhanan akan menjiwai segenap bidang kemasyarakatan dan pembangunan yang menentukan agama Islam itu sebagai agama rasmi sungguhpun agama-agama lain dibenarkan berjalan dengan aman dan damai; dan

“BAHAWA memandang kepada konsep demokrasi berparlimen seperti yang berjalan di negara kita sekarang ini yang sentiasa dipupuk dan dibajai bagi memberikan sumbangan yang besar kepada ujudnya satu BARISAN KEBANGSAAN yang kukuh dalam proses pembinaan negara dan rakyat; dan

“BAHAWA memandang kepada hasrat memajukan ekonomi negara dan rakyat dalam mana usaha sedang dan akan dijalankan untuk penyertaan seluruh rakyat yang mana khasnya ahli-ahli Bumiputra yang sewajarnya di segenap sektor terutama dalam sektor perusahaan dan perdagangan;

“MAKA tertakluk kepada persafahaman yang telah dicapai secara bertulis antara Parti Perikatan dengan Parti PAS, dengan ini adalah dinyatakan PERSETUJUAN kedua-dua pihak bagi menubuhkan KERAJAAN CAMPURAN PERIKATAN-PAS di semua PERINGKAT.

“Demikianlah, semoga negara Malaysia sentiasa di bawah lindungan rahmat Illahi.”

**Garis-garis Kasar yang akan diperjuangkan oleh PAS  
melalui Kerajaan Campuran mengikut Persetujuan  
kedua-dua Pihak**

1. PAS melalui Kerajaan Campuran Perikatan—PAS berazam membentuk negara Malaysia ini menjadi sebuah negeri yang aman dan damai, yang harmonis, yang mempunyai nilai-nilai moral dan kerohanian, dengan demikian pembangunan rohani rakyat hendaklah digembelingkan bersamaan dengan usaha pembangunan lahir yang sedang berjalan dengan pesatnya sekarang sesuai dengan Islam sebagai ugama negara serta prinsip-prinsip Rukunegara, maka nilai-nilai ketuhanan akan menjadi teras dalam usaha-usaha pembangunan dan kemajuan negara.
2. Dalam menuju kesempurnaan prinsip-prinsip itu, maka PAS dengan Kerajaan Campuran yang diwujudkan itu akan berusaha memberikan nilai-nilai Islam ke dalam perundangan dan perlembagaan negara.
3. PAS dengan Kerajaan Campuran itu berazam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan bersungguh-sungguh, jujur dan tidak pilih kasih sehingga cita-cita mengujudkan perseimbangan sosial dan ekonomi antara yang berada dengan yang tidak berada ini serta cita-cita melenyapkan kemiskinan di kalangan rakyat itu mencapai kejayaan yang cemerlang.
4. PAS dengan Kerajaan Campuran itu berazam mengujudkan kebudayaan yang berteraskan Kebudayaan Melayu yang tidak berlawanan dengan Islam dalam segenap bidang.
5. PAS dengan Kerajaan Campuran itu berazam memelihara keselamatan negara dan menghapuskan sebarang ancaman baik dari dalam maupun dari luar, dan dengan ini pertahanan negara akan diperkembangkan dan diperbesarkan sesuai dengan cita-cita untuk mengujudkan kemampuan nasional di bidang pertahanan.
6. PAS dengan Kerajaan Campuran ini berazam meneruskan dasar luar yang bebas dan aktif dan akan terus memperjuangkan konsep perkecualian negara-negara Asia Tenggara bagi menjamin tercapainya keamanan di rantau ini. Dan di samping itu akan berusaha mengiratkan lagi hubungan dengan negara-negara sahabat terutamanya negara-negara umat Islam.

## Asas-Asas dan Tujuan-Tujuan UMNO

UMNO adalah sebuah parti politik yang progresif berjuang menurut lunas-lunas demokrasi dengan tujuan menghasilkan cita-cita kebangsaan:—

1. Memelihara dan mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan dan keperibadian Malaysia.
2. Mendukung Perlembagaan Malaysia, perlembagaan-perlembagaan negeri-negeri dan mempertahankan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya terutama mengenai Ugama Rasmi (Islam) kedaulatan raja-raja Melayu, Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) hak-hak asasi dan hak-hak istimewa orang Melayu dan Bumiputra.
3. Berusaha mempertahankan, menegak dan mengembangkan Islam ugama rasmi negara dan membenarkan kebebasan beragama.
4. Berikhtiar bagi mengawal, memelihara dan mengamalkan asas-asas pemerintahan demokrasi.
5. Berusaha untuk melahirkan satu bangsa yang kuat dan bersatu.
6. Menjalankan segala rupa ikhtiar bagi kemajuan ekonomi dan kebajikan ahli-ahli rakyat Melayu dan Bumiputra khasnya dan rakyat Malaysia amnya.
7. Berusaha bagi mengujudkan kebudayaan kebangsaan yang berteraskan kebudayaan Melayu.

**Butir-butir Persetujuan yang telah dicapai dalam  
Perundingan Perikatan-Pas ke arah Pembentukan  
Kerajaan Campuran**

1. Sebuah Kementerian akan diberikan kepada PAS, iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas yang akan bertanggungjawab dalam hal ihwal tanah, pembukaan dan kemajuannya dan juga perkara-perkara yang lain yang akan ditentukan oleh Perdana Menteri dari satu masa ke satu masa.
2. Menteri yang tersebut di atas akan dilantik dengan persetujuan Raja-Raja menjadi Timbalan Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ihwal Ugama Islam Malaysia.
3. Jawatan-Jawatan Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik dan sebagainya bolehlah dipenuhi setelah Menteri berkenaan berunding dan mendapat persetujuan Perdana Menteri.
4. Perdana Menteri akan menimbang calon-calon yang ditunjukkan oleh PAS bagi menjadi Anggota Dewan Negara apabila ada kekosongan.
5. Perdana Menteri akan menimbang pemimpin-pemimpin PAS yang layak untuk menyertai rombongan-rombongan rasmi keluar negeri dan juga jawatan-jawatan perkhidmatan di luar negeri yang difikir sesuai, perlu dan menasabah.
6. Kerajaan akan menimbang mana-mana ahli PAS yang difikir sesuai untuk mengambil bahagian dalam Jawatankuasa-jawatankuasa, Lembaga-lembaga dan Perbadanan-perbadanan bagi pertimbangan Perdana Menteri.
7. Dua orang Anggota Dewan Negeri Kelantan dari Parti Perikatan yang ditunjuk oleh partinya akan dilantik menjadi ahli Exco Negeri.
8. Dua orang Anggota Dewan Negeri-negeri Kedah dan Trengganu dari parti PAS di tiap-tiap negeri itu yang ditunjuk oleh partinya akan dilantik menjadi ahli Exco negeri masing-masing.

9. Selama Kerajaan Campuran Perikatan-Pas ini ujud hendaklah tiada sebarang pertandingan antara PAS dengan Perikatan dalam pilihanraya kecil dalam kawasan-kawasannya masing-masing kecuali kawasan-kawasan di mana telah dimenangi oleh parti yang lain maka perundingan hendaklah diadakan terlebih dahulu.
10. Begitu juga kawasan-kawasan pilihanraya yang dimenangi oleh PAS dalam pilihanraya umum 1969 yang kemudiannya ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan terhenti daripada menjadi ahli PAS, maka sekiranya berlaku pilihanraya kecil dalam kawasan yang tersebut maka satu perundingan hendaklah diadakan, jika sebarang persetujuan tidak tercapai dalam perundingan itu maka pertandingan seperti biasa bolehlah diadakan.
11. Hendaklah tiada sebarang ikatan atau perjanjian untuk menghadapi sebarang pilihanraya umum yang akan datang. Segala sesuatu akan dibincangkan kelak apabila tiba waktunya.
12. Kebebasan anggota-naggota PAS dalam Kabinet Pusat, Exco Negeri, Parlimen dan Majlis Undangan Negeri untuk membangkang sebarang cadangan atau undang-undang yang berlawanan dengan Islam hendaklah terjamin.
13. Sebuah Jawatankuasa Penyelaras hendaklah ditubuhkan dengan anggota-anggotanya terdiri sama banyak antara Perikatan dengan PAS.

Demikianlah butir-butir persetujuan yang telah dicapai oleh kedua-dua pihak bagi mengujudkan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS, agar dapat difahami oleh kita seluruhnya.

9. سلما کراجان چمفوران فرايکاتن- فاس اين وجود هندقله تياد سبارغ فرتنديغن انتارا فاس دغن فرايکاتن دالم فيليهنراي کچيل دالم کاواسنث ۲ ماسيغ ۲ کچوالي کاواسن ۲ دمان تله دمناشي اوله فارتی یغ لاین مک فرونديغن هندقله داداکن ترلبه دهولو.
10. بکیتو جوک کاواسن ۲ فيليهنراي یغ دمناشي اوله فاس دالم فيليهنراي عموم 1969 یغ کمدينش اهلي ۲ یغ برحرمة یغ برکنان ترهنتي درفد منجادي اهلي فاس، مک سکيران برلاکو فيليهنراي کچيل دالم کاواسن یغ ترسبوة مک ساتو فرونديغن هندقله داداکن، جک سبارغ فرستوجوان تيدق ترچافي دالم فرونديغن ایت مک فرتنديغن سفرت بیاس بوليهله داداکن.
11. هندقله تياد سبارغ ايکاتن اتو فرجنجين انتوق مهادفي سبارغ فيليهنراي عموم یغ اکن داتغ. سکل سسوات اکن دینچقکن کلک افيل تيبا وقتون.
12. کيباسن اغکوت ۲ فاس دالم کابينية فوسة ايقسکو نكري، فارليمن دان مجلس اونداشن نكري انتوق مبعقغ سبارغ چداغن اتو اوندغ ۲ یغ برلاوانن دغن اسلام هندقله ترجمین.
13. سبواه جواتنکواس فيلارس هندقله دتوبهکن دغن اغکوتان ۲ ترديري سام بايق انتارا فرايکاتن دغن فاس. دمکینله بوتير ۲ فرستوجوان یغ تله دچافي اوله کدوا ۲ فيهق باکي مقوجودکن کراجان چمفوران فرايکاتن- فاس، اگر دافة دفهامي اوله کیت سلورهن.

## بوتير ۲ فرستوجوان يڭ تله دچافي دالم فرونديڭن فرايکاتن-فاس کاره فمبتوقنن کراجان چمفوران

1. سبواه کمنترین اکن دبریکن کفد فاس، یأیت کمنترین کماجوان تانه دان توکس ۲ خاص یڭ اکن برتقوڭجواب دالم حال احوال تانه فمبوکان دان کماجوانش دان جوک فرکارا ۲ لاین یڭ اکن دنتوکن اوله فردان منتری دری ساتو ماس کساتو ماس.
2. منتری یڭ ترسبوة دأتس اکن دلنتیق دشن فرستوجوان راج ۲ منجادی تیمبالن فقروسی مجلس کبغسان حال احوال اگام اسلام ملیسیا.
3. جواتن ۲ تیمبالن منتری، ستیاوسها فارلیمن، ستیاوسها فولیتیک دان سباکیش بولیهله دفنوهی ستله منتری برکنان بروندیڭ دان مندافه فرستوجوان فردان منتری.
4. فردان منتری اکن منیمبغ چالون ۲ یڭ دتنجوق اوله فاس باڭی منجادی اغکوت دیوان نگارا افیل اد ککوسغن.
5. فردان منتری اکن منیمبغ فیمفین ۲ فاس یڭ لایق انتوق مپرتای رومبوغن ۲ رسمی کلوار نگری دان جوک جواتن ۲ فرخدماتن دلوار نگری یڭ دفیکر سسواي، فرلو دان مناسبه.
6. کراجان اکن منیمبغ مان ۲ اهلی فاس یڭ دفیکر سسواي انتوق مقمبیل بهاڭین دالم جواتنکواس ۲ لمباک ۲ دان فربدانن ۲ باڭی فرتیمباغن فردان منتری.
7. دوا اورغ اغکوت دیوان نگری کلتن دری فارتی فرايکاتن یڭ دتنجوق اوله فارتیش اکن دلنتیق منجادی اهلی ایقسکو نگری.
8. دوا اورغ اغکوت دیوان نگری - نگری قدح دان ترغکانو دری فارتی فاس دتيف ۲ نگری ایت یڭ دتنجوق اوله فارتیش اکن دلنتیق منجادی اهلی ایقسکو نگری ماسیڭ ۲.

## اساس ۲ دان توجوان ۲ امنو

امنو اداله سبواه فارتی فولیتیک یغ فروگریسیف برجواغ منوره لونس ۲ دیموقراسی دشن توجوان مقحاصیلکن چیتا ۲ کبغسان:۔

1. مملیهارا دان ممفرتاهنکن کمردیکانم کدولاتن دان کفریبادین ملیسیا.
2. مندوکوغ فرلمبگان ملیسیام فرلمبگان نگری ۲ دان ممفرتاهنکن فرینسیف ۲ یغ ترکندوغ ددالمن تراوتام مقنای اگام رسمی (اسلام) کدولاتن راج ۲ ملایوم بهاس کبغسان (بهاس ملایو) حق ۲ اساسی دان حق ۲ استمیوا اورغ ۲ ملایو دان بومیفتره.
3. براوسها ممفرتاهنم منقق دان مقمبغکن اسلام اگام رسمی نگارا دان ممبئرکن کبیپاسن براوگام.
4. براختیار باکی مقاولم مملیهارا دان مقعملکن اساس ۲ فمرنتاهن دیموقراسی.
5. براوسها انتوق ملاهیرکن ساتو بقسا یغ قواة دان برساتو.
6. منجالنکن سکل روف اختیار باکی کماجوان ایکونومی دان کبجیکن اهلی ۲ رعیه ملایو دان بومیفتره خاصن دان رعیه ملیسیا عامن.
7. براوسها باکی مقوجودکن کبودایان کبغسان یغ برترسکن کبودایان ملایو.

تاریس ۲ کاسر یغ اکن دفرجواثکن اوله فاس ملالوئی  
کراجان چمفوران مٹیکوۂ فرستوجوان کدوا۲ فیہق

1. فاس ملالوئی کراجان چمفوران فرایکاتن- فاس برعزم  
مبنتوق نگارا ملیسیا این منجادی سبواه نکری یغ امان دان  
دامی، یغ هرمونیس، یغ ممفویائی نیلای ۲ مورال دان کروحانین،  
دغن دمکین فمباغونن روحانی رعیه هندقله دکمبلیثکن برسمان  
دغن اوسها فمباغونن لاهیر یغ سدغ برجالن دغن فستش  
سکارغ سسواي دغن اسلام سبائی اگام نگارا سرت  
فرینسیف ۲ روکن نگارام مک نیلای ۲ کتوهانن اکن منجادی  
ترس دالم اوسها ۲ فمباغونن دان کماجوان نگارا.
2. دالم منوجو کسمفرنآن فرینسیف ۲ ایت مک فاس دغن  
کراجان چمفوران یغ دوجودکن ایت اکن براوسها ممبریکن  
نیلای ۲ اسلام کدالم فراونداغن دان فرلمبگان نگارا.
3. فاس دغن کراجان چمفوران ایت برعزم ملقسناکن داسر  
ایکونومی بارو دغن برسٹکوۂ ۲۵ جوجور دان تیدق فیلیه کاسیه  
سهٹک چیتا ۲ مٹوجودکن فرسایمباغن سوشیال دان ایکونومی  
انتارا یغ براد دغن یغ تیدق براد این سرت چیتا ۲ ملیفکن  
کمسکینن دکالغن رعیه ایت منچافی کجیان یغ چمرلغ.
4. فاس دغن کراجان چمفوران ایت برعزم مٹوجودکن کبودایان  
یغ برترسکن کبودایان ملایو یغ تیدق برلاوانن دغن اسلام  
دالم سکنف بیدغ.
5. فاس دغن کراجان چمفوران ایت برعزم مملیهارا کسلامتن نگارا  
دان مٹهافوسکن سبارغ انچامن بایک دری دالم مأوفون دری  
لوارم دان دغن این فرتهانن نگارا اکن دفرکمسکن دان  
دفربرکن سسواي دغن چیتا ۲ انتوق مٹوجودکن کممفوان  
ناشیونل دبیدغ فرتهانن.
6. فاس دغن کراجان چمفوران این برعزم منروسکن داسر لوار  
یغ بیبس دان اکتیف دان اکن تروس ممفرجواثکن کونسیف  
فرکچوالین نگارا ۲ آسیا تئکارا بائی منجامین ترچافیش  
کامانن درنتاو این. دان دسمفیغ ایت اکن براوسها مٹايرتن  
لائی هوبغن دغن نگارا ۲ صحابه تراوتماش نگارا ۲ اومه اسلام.

کپتان برسام تون عبدالرازق بن حسين دان داتوء محمد عصري  
بن حاج مودا دالم فراشتهارن رسمي فمبتوقئن گراجان چمفوران  
فرايکاتن-فاس فد 28 هاريبولن دسيمبر 1972 دفجابه فردان  
منتري، کوالا لمفور.

بسم الله الرحمن الرحيم.

سکل فوجي باکي الله صلاوة کفد رسولن ۲.

”بهوا ممدغ کفد کلورا فوليتيک تانهأير يغ ممرلوکن فياتوان  
سلوره تناک انتوق منچافي چيتا ۲ کستابيلن فوليتيک  
کماجوان ايکونومي دان فمباغونن فريبادي رعية سرت  
ايدينتيتي مشارکة دان

”بهوا ممدغ کفد اوسها ۲ فمباغونن يغ مستي تروس منروس  
دهيدوف سوبورکن دالم مان فمباغونن لاهيريهم يغ دالم حال  
اين نيلاي ۲ کتوهانن اکن منجيواي سکنف بيدغ کمشارکتن  
دان فمباغونن يغ منتوکن اکام اسلام ايت سباکي اکام رسمي  
سگکوهفون اکام ۲ لاءين دبئرکن برجالن دغن امان دان دامی  
دان

”بهوا ممدغ کفد کونسيف ديموقراسي برفارليمن سفرت  
يغ برجالن دنکارا کيت سکارغ اين يغ سنتياس دفوفوق دان  
دبجاي باکي مبريکن سومباغن يغ بسر کفد وجودش ساتو  
باريسن کبغسان يغ کوکوه دالم فروسيس فمبينان نکارا دان  
رعية دان

”بهوا ممدغ کفد حسرة مماجوکن ايکونومي نکارا دان رعية  
دالم مان اوسها سدغ دان اکن دجالنکن انتوق فپرتان سلوره  
رعية يغ مان خاصن اهلي ۲ بوميفترا يغ سواجرث دسکنف  
سيقتور تراوتام دالم سيقتور فراوسهان دان فرداگنم

”مک ترتعلق کفد فرسفهامن يغ تله دچافي سچارا برتوليس  
انتارا فارتي فرايکاتن دغن فارتي فاسم دغن اين اداله دپتاکن  
فرستوجوان کدوا ۲ فيهق باکي منوبهکن گراجان چمفوران  
فرايکاتن-فاس دسموا فريثکة.

”دمکينلهم سموک نکارا مليسيا سنتياس دباوه ليندوغن  
رحمة الهي ۲۰

كفنتيڤن نڱارا دان رعية دان اكن منجاننكن توڱس ۲ مريك دڱن  
سماڱة يڱ قواة دان جيو ا يڱ برسيه.

سبڱيمان كيت تاهو مليسيا اداله سبواه نڱارا يڱ مڱممكن  
ديموقراسي دان سڱيراڻ اورڱ ۲ ملايو لمه سماس دتاڱن اورڱ  
ملايو سنديري دان اورڱ ملايو بوله دبلي دڱن واڱ رڱڱية مڪ ماس  
دڱن كيت ساڱتله مڱمبڱن دان موڱكين ڱلف. كيت دان ڱراجان  
كيت اكن تڱڱم ڱران كيت سنديري. اوله يڱ دمكين كيت هاروس  
سدر دان مڱمبيل لڱكه ۲ باڱي منجاڱ كفنتيڤن بڱسا دان نڱارا.  
تتافي سڱيراڻ كيت تيدق تروس بروسفادام مڪ كيت سباڱي بڱسا  
ملايو تيدق اكن دافة تمفة يڱ سمفرن دان ڱواس فوليتيك يڱ اد  
دتاڱن كيت هاروس اكن لوفوة دري تاڱن كيت عاڱيبة كيت تيدق  
برساتو فادو دان ڱچوراڱن سياسه كيت.

ماسوق كدالم باریسن كبغسانم تتافی منیوفكن راس كسدان  
 دان كانصافنم راس فرسوداران دان محبه اكر باریسن كبغسان  
 بنر ۲ مروفاكن باریسن رعیة یغ برجواغ دغن ساتو چیتا ۲ ساتو  
 متلامة دان ساتو توجوان یأیت ملاهیركن مشاركة ملیسیا یغ  
 برساتو فادوم دینامیس دان فروگریسیب. كچامن ۲ كیت بوله دتوجو  
 كفد فارتی ۲ فمبگكغ یغ بر فوراً ۲ هندق ممبیلارعیة تتافی سبیرن  
 برماین دغن افی فرقومن سچارا دیم ۲ اتو تربوك - دی.ایه.فی.م  
 فارتی رعیة فكمس دان ایس.عین.ایه.فی. دسراوق.

### ماس دفن كیت

توكس یغ كیت هادفی دوا تیك تاهون هدا فن این امتله بره  
 اوله کران هندق منچافی متلامة ۲ داسر ایكونومی بارو دالم رنچاغن  
 ملیسیا كدوا. دغن وجودن كراجان چمفوران اینم كیت سماکین  
 همفیر كفد فمبنتوقن باریسن كبغسان یغ اكن ممبریكن جامینن  
 بسر انتوق كتكوهن نكارا. ولوفون دمکینم ماس دفن كیت اداله  
 بركنتوغ كفد كجیان كراجان چمفوران. كجیان كراجان چمفوران  
 اداله بركنتوغ سمات ۲ كفد سماغة كجوجوران یغ مستی دكلكن  
 اوله كدوا ۲ فیهق سفای فلقسانن كراجان چمفوران این برجالن  
 دغن تراتور دان سمفرن دمی كفتیشن متلامة ۲ كیت.

### فسانن دری یغامه بر حرمة تون فریسیدین

یغامه بر حرمة تون فریسیدین تله منصیحتكن كفد سموا بهوا  
 اد ببراف فیهق دان گولوغن ۲ سماد دالم نكري اتوفون لوار نكري  
 یغ منجالنكن هاسوتن ترهادف فیهق فاس خاصن دان چوب سفای  
 مفعالغ چداغن انتوق منوبهكن كراجان چمفوران. یغامه بر حرمة تون  
 جوك منصیحتكن بهوا كیت فهم اكن اداث فمودا ۲ لوار فارتی  
 كراجان ممبنته قواة اتس كراجان چمفوران دان مریک ایت تیدق  
 هاروس ممفغاروهی كیت. ولوفون دمکینم كراجان فرایكاتن دباوه  
 فیمفینن تون رازق هاری این تله منكسكن بهوا ایاث تیدق بوله  
 دفغاروهی اوله مان ۲ فیهق خاصن كواس ۲ لوار. فیمفین ۲ كیت  
 منكسكن بهوا مریک اكن منجالنكن داسر كیت بر فندو سمات ۲ كفد

این تله ملاهیرکن کراچان ۲ چمفوران: دسراوقم فرایکاتن دغن  
ایس.یو.فی.فی.فی. فیرقم فرایکاتن دغن فی.فی.فی. فی. کلنتنم قدح دان  
ترغکانوم فرایکاتن دغن فاسم فولو فینغم فرایکاتن دغن کرقن.  
باریسن کبغسان این نمفخن برتمبه قواة دان ستابیل.

این برارتي باریسن کبغسان بولیله داغکف سباکي مواکيلي  
رعية ملیسیا یغ ترامي. ادفون توجوان بسر باریسن کبغسان ایاله  
باکي مپاتو فادوکن فنذاغن دان ککیاتن ۲ رعية کفد فمباغونن نگارا  
سسوای دغن داسر ایكونومي بارو کراچان. سفرت یغ سنتیاس  
دپتاکن اوله یقامة برحرمة تون عبدالرازقم توجوان فمبتوقن  
باریسن کبغسان دان جوک لاهیرث کراچان چمفوران ایاله باکي  
مغورغکن ککیاتن ۲ فولیتیک دری فارتی ۲ فولیتیک سفای دافه  
دوجودکن کتناغن فولیتیک دان سلوره تناک رعية دافه دکمبلیغکن  
انتوق منچافی چیتا ۲ فمباغونن.

### منجامین کقواتن امنو

سغکو هفون وجودث کرجسام این تیدق فول برارتي بهوا  
ککیاتن امنو سباکي ساتو فارتی فولیتیک یغ ممفوپای اورگانیساسی  
یغ ترسوسن ایت فاتوة دابایکن. کقواتن کیت سباکي فارتی فولیتیک  
یغ برکواس سکارغ این هاروس دلیفتکنداکن. سوسن فنتدبیران  
دری فوسه کبهاکین ۲ دان چواغن ۲ سدغ دسوسن سمولا دغن  
کیاتن. فپوسنن این مروفاکن سباکي ساتو سومبر باکي ملاهیرکن  
کقواتن فارتی کیت دری سموا فریثکمه کران دغن کقواتن فارتی  
اینله سهاج اکن ترجمینش کستابیلن فولیتیک دان ترچافیش چیتا ۲  
کبغسان کیت.

تیکتیک فولیتیک کیت سکارغ بوکن سهاج ستاکه مقاداکن  
رافه ۲ عموم دان چرامه ۲ تنافی براوسها مپدرکن رعية بتاف فنتیغن  
فرادوان دان بتاف مستحقن باریسن کبغسان دان کراچان چمفوران  
دری سکی کستابیلن فولیتیک جثکا فنجغ دان فمباغونن نگارا.  
کتناغن فولیتیک ارتیش سکل اوسها ۲ فولیتیک یغ دانجورکن اوله  
فارتی تیدق لاکي منوجو کفد مقچم فارتی ۲ یغ سکارغ این تله

## زمان کتاغن

دغن لاهيرث کراجان چمفوران فرايکاتن- فاس اين منيمبولکن تنداتان يغ بسر دکالغن اورغ ۲ يغ مغيکوتي فرکمباغن ديموقراسي، مالهن اد فمرهاتي ۲ لوار نكري ممدغ سوال اين سوات حال يغ تيدق موغکين ترجادي دنکارا اين دالم مان فارتی کراجان ماسيه کوكوه دغن کلبهين کروسي دوا فريک دالم فارليمن. موغکين کراجان چمفوران ايت برلاکو منکل سسوات فارتی فوليتيک ايت تيدق مندافه کروسي يغ چوکف باکي منديريکن کراجان کچوالي دغن فرچمفوران دغن فارتی ۲ يغ لاءين، تتافي تيدق سفرت حال دغن فرايکاتن يغ ماسيه کوكوه دان براوفاي منجالنکن فنتدبيران کراجان فوسه.

کسشکوفن فميمفين ۲ فرايکاتن بربوابة دمکين بوکنله منجوقکن کلماهن فارتی دان تيدق فول منجوقکن کلماهن کراجان يغ دميمفين اوله فارتی، تتافي کسشکوفن ايت وجود سمات ۲ کران کفنتيشن ناشيونل دان ماس دفن مليسيا. کفنتيشن ۲ ايت تله مقاتسي دري سلوره کفنتيشن، دان دغن کران ايت فرايکاتن برسديا منريما فاس کدالم کراجانث.

کماسوقکن فاس کدالم کراجان تيدق بوله دارتيکن سبائي سوات کماغن کفد فاس کران کدوا ۲ فميمفين، يغامه برحرمة تون دان داتوء عصري فرنه ميپتاکن بهوا تيدق سياف يغ منغ دان تيدق سياف يغ کاله دالم فرکارا اين، تتافي يغ منغ اياله **باريسن کبشسان** دان رعية يغ ماهو فرسشکيتان فارتی ۲ دتمکن. سکارغ زمان کتاغن ايت تله وجود فرسشکيتان تله برهنتي دان فرسفهامن مولائي منجالر. چوما يغ دفرسوالکن سکارغ اين سجاوه مانکه فرسفهامن ايت دافه دلاکوکن دالم سموا فريشکه، دري فوچق فيمفينن سمفي کچواغن ۲ دان رنتيغ ۲ سرت اورغ فرسشوراغن.

## باريسن کبشسان

کيت تله ملاهيرکن چيتا ۲ فرفادوان کبشسان دمان فارتی ۲ فوليتيک يغ سشکوف منريما کونسييف کيت اکن دتريما سبائي کاون دالم باريسن کبشسان. دان لنجوتن دري کاگاسن باريسن کبشسان

دروندیغ دان دفرتیمبگن منوره کادان سماد کاواسن ۲ این  
 اکن دفرتندیگن اوله فرایکاتن اتو فاس.  
 (ت) فرستوجوان مغانی کدودقن فیلهنرای عموم اکن داتغ بلوم  
 دروندیگن لاکئی.

### داسر امنو تیدق براوبه

سبکیمان یغ دکتهویم فارتی امنو دان فرایکاتن اداله سبواه  
 فارتی تراکوغ دان ترقواة سکالی دالم نگارا این دان داسر فارتی  
 امنو تیدق براوبه دغن وجودن کراجان چمفوران فرایکاتن- فاس این.  
 ولو بکیمانفونم دغن وجودن کراجان چمفوران این دغن تیدق سچارا  
 لغسوغ فاس دغن پتاش تله منریما کونسیف دان داسر فرجواغن  
 امنو دان کراجان فرایکاتن: کالو تیدقم مساکن فاس ماهو بکر جسام  
 افلاکی ماسوق برکوشی دغن امنو ممرنته ملیسیا دان نگری کلتنم  
 قدح دان ترشگانو.

### کجیان کراجان چمفوران

فاس دان امنو اداله مروفاکن دوا بواه فارتی ملایو یغ تراکوغ  
 یغ تله برتنتاغن سجع مولا ۲ کیت ممفرجواغن کمردیگان نگارا. اوله  
 یغ دمکینم فلقسنان کراجان چمفوران این دسموا فریثکه اکن ممان  
 ماس یغ برلنجوتن. تتافی سبکیمان یغامه بر حرمة تون تله منصیحتکن  
 اهلی ۲ امنو سکین بهوا کیت سبائی فارتی یغ بسر یغ ممکغ تمفوق  
 کراجان سکارغم مستحقله برتیمبغراس مندگن کفنتیغن بغسا دان  
 نگارا باکی ماس یغ اکن داتغ. سکیرا کیت فهم اکن نصیحة اینم  
 مک دغن اداث کراجان چمفوران اینم فرفادوان دکالغن اورغ ملایو  
 هاروسله منجادی برتمبه قواة دان ملواس دان این اکن منداتگن  
 کستابیلن کفد نگارا دان کمعموران رعیة. سغکوهفون تیدق اد لاکئی  
 فرتنتاغن انتارا کیت تتافی کجیان فرلقسنان کراجان چمفوران  
 دسموا فریثکه تراوتام سکالی دفریثکه باوه اداله منولغ کیت منجاک  
 سفای کدوا ۲ فیهق حرمة مفرماتی فرستوجوان یغ تله ترچافی  
 سرت برسام ۲ منتدبیرکن نگارا انتوق کماجوان دان کمعموران  
 رعیة جلات.

## ملقسنانکن کونسيف کراجان چمفوران

کونسيف کراجان چمفوران اين دلقسنانکن فد کدوا ۲۱ فریقکة نگرې دان فوسة یعنی فارتې اسلام اکن منجادي اغکوت کراجان. دفریقکة کبفسانم فارتې فاس اداله دواکيلي اوله یغامه برحرمة داتوء حاج عصري، فریسیدین دان منتری بسر کلتن سبائي منتری کراجان ددالم کابینیه کراجان فوسة. دسمفیغ ایت، سئورغ اغکوت فاس جوک تله دلنتیق منجادي ستیأوسها فارلیمن. دفریقکة نگرې فولم فرستوجوان تله ترچافي: دمان فرایکاتن اکن مندافة 2 کروسي ایقسکو دکلتن دان سبالیقن فاس اکن مندافة 2 کروسي ایقسکو دترغکانو دان قدح. سلاءین دري ایت فرستوجوان این مبولیهکن کراجان فرایکاتن مغمبیل فمیفین ۲ دري فاس یغ برکلایقن دان مناسبه منجادي اغکوت ۲ جواتنکواسم لمباک ۲ دان بدان ۲ برقانون. فیهق فاس جوک تله برستوجو اکن منریما فمیفین ۲ امنو دکلتن انتوق منجادي اغکوت ۲ بدان ۲ برقانون دنگرې ایت.

سبواه جواتنکواس فیلارس تله دتوبهکن دان اغکوتان اداله تردیرې سام بایق دانتارا فاس دغن امنو. باکي فیهق امنوم اهلیش ۲ اداله تردیرې دري تیمبالن فردان منتری یغامه برحرمة تون دقتور اسمعیلم منتری بسر کلتن، منتری بسر قدح، تغکو رزالي دان جوک ستیأوسها اکوځ امنو دان 2 اورغ اهلي یغ لاین.

### کدودقن کروسي ۲ فیلیهنرای یغ جاتوه کوسغ دان کروسي ۲ لاین

(۱) باکي تیمفوه فیلیهنرای یغ برجالن سکارغ، کروسي یغ دفکغ اوله فرایکاتن تیدق اکن دفرتندیگن دغن فاس دان بکیتو جوک کروسي ۲ یغ دفکغ اوله فاس تیدق اکن دفرتندیگن دغن فرایکاتن. برکنان دغن کاواسن ۲ یغ دمناشي اوله فاس فد تاهون 1969، تتافي اغکوتان ۲ اتو وکیل ۲ رعیة یغ ماسوق امنوم سکیراڅ فیلیهنرای داداکن، کدودقن کروسي ۲ این هندقله دروندیگن.

(ب) دکاواسن ۲ فیلیهنرای فارتې یغ لاین یغ جاتوه کوسغ اکن

تله دسمبوة بآيك اوله داتوء عصري، فميفين اكوغ فاس انتوق  
بكرجسام دشن امنو دمي انتوق كفتيشن بفسام نكارا دان اكام،  
فد اخر تاهون 1972، بيراف فرونديشن تله داداكن دانتارا بيراف  
فميفين امنو دان فاس دان فد 27 هاريبولن دسيمبرم 1972  
ترمتريله فرسفهامن ددالم ساتو فرجنجين يغ داداكن، منجاديكن  
كونسيف كراجان چمفوران ساتو رياليتي.

كونسيف كراجان چمفوران اين مروفاكن ساتو لثكه لائي  
كهدافن باكي ملقسناكن حسرة يقامة برحرمة فردان منتري انتوق  
منوبهكن ساتو ناشيونل فرانة اتو باريسن كبفسان باكي منجامين  
كجيان، ممبتو رعية دان فمباغونن ايكونومي دان مشاركة يغ ليه  
عاديل، قواة دان معمور دمليسيا اين.

مغيكوة يقامة برحرمة فردان منتري ددالم رونديشن يغ داداكن  
اوله فميفين 2 فاس دان فميفين 2 امنو ساغثله جلس بهوا تيدق  
اداف 2 فرييدان تنتغ متلامة فرجواغن فاس اتو امنو. يقامة برحرمة  
تون جوگ تله برفندافة بهوا سوكنن فارتني اسلام كفد فيندان  
فرلمبگان دان داسر ايكونومي بارو كراجان فرايكتن ددالم فارليمن  
فد تاهون 1971 دهولو ممبوقتيكن فرسفهامن تنتغ مسئله 2 يغ  
دهادفي اوله بفسا دان نكارا تله وجود دكالغن فارتني فاس.

### اساس فرونديشن

اساس فرونديشن دانتارا فاس دان فرايكتن اياله فرتام، فاس  
منكسكن كاوتمان كفد ممليهارا كبسارن اكام اسلام دان اوسها  
ملقسناكن داسر كراجان انتوق منيغكيكن اكام اسلام. سبكيمن  
كيت تاهوم كراجان فرايكتن تله فون منجالنكن سكل لثكه 2 دان  
اوسها 2 انتوق منيغكيكن دان مپيركن اكام اسلام دمليسيا دالم  
برباكي 2 سكي دان چارا. اف يغ دفرجواغن اوله فاس سلما اين  
تله فون دفرجواغن اوله امنو سجعق مولا 2 لائي امنو مندوكوشكن  
كراجان. اين اداله مروفاكن ساتو كجيان بسر باكي امنو انتوق  
مندافتكن فقاكوان دري فاس انتوق برجواغ سام 2 دشن امنو ددالم  
اسفيق 2 اكام اسلام.

## لاتر بلاغ

امنو تله دتوبهکن لبه کورغ 26 تاهون دهولو دشن توجوان انتوق منبوس کمردیکان تانهملایو. ددالم اوسها ۲ انتوق منچافي متلامه ترسبوه امنو تله برجاي مناریق سجمله بسر کولوغن اورغ ۲ کتورنن چینا دان اندیا دباوه لمبغ فرکرقتن عیم.سی.ایه. دان عیم.آی.سی. تتافي سجمله بسر بیلاغن اورغ ملایو تیدق دافه برسام دشن فرجواغن امنو این. اورغ ۲ ملایو این یغ منتغ داسر فرجواغن امنو تله برکابوغ دباوه ساتو فرتوبهن یغ هاري این دکنالي سباکي فاس اتو في.عیم.آی.في. مولاي دري تاريخ ترسبوه فرجواغن فوليتيک اورغ ۲ ملایو تله مفيکوة تيک الیران. فرتام الیران یغ دفندو اوله امنو دان فرايکاتن کدوام الیران یغ دفندو اوله فاس اتو في.عیم.آی.في. دان کتيک الیران یغ دفندو اوله فارتی ۲ لاین سفرت فارتی رعیه فارتی نکارا دان سکارغ این کرقتن دي.ایه.في. دان فکمس. فريذان فوليتيک اورغ ملایو این تله برفنچاغن سهغک سکارغ، ولوفون نکارا کیت تله منچافي کمردیکان فد تاهون 1957.

برایکوتن دشن تراجیدی 13 می 1969، بیراف فراوباهن فوليتيک تله برلاکو دنکارا کیت دان ساتو فرتوکارن بسر برلاکو یأیت فرتوکارن بیمبیغن کراجان یغ دفیمن اوله یغترامة ملیا تغکو عبدالرحمن کفد یغامة برحرمة تون عبدالرازق. فرتوکارن بیمبیغن این دایکوة دشن فراوباهن بیراف داسر فنتدبیران دان جوک چارا فرکرقتن فوليتيک. ساتو درفداش ایاله مغواتکن کدودقتن فارتی دان فرلقسنان کونسيف فارتی مندوکوغ کراجان. سلاءین درفد بیراف فرتوکارن چورق یغ بسر یغ کیت سديا معلوم، فد اول تاهون 1972 یغامة برحرمة فردان منتري تله مپواراکن ساتو رنچاغن یأیت سکیراں فرايکاتن دافه بکرجسام دشن بیراف فارتی فوليتيک بوکن ملایو دبیراف بواه کراجان نکري دشن جیاش، تیدق بولیهاکه امنو بکرجسام دشن فارتی فمبغکغ تراوتام فاس دري سکی کفنتیغن بغسا دان نکارا. حقیقه این تله داکوءي اوله کدوا ۲ فیهق فاس دان امنو. فد فرتغاهن تاهون 1972، ساران اوله یغامة برحرمة تون



بوتير ۲ فنراغن ددالم بوکو این اداله براساسکن  
کفد فنراغن یغ تله دبري اوله یقامه برحرمة  
فريسيدين امنو مرشکف فردان منتري، تون حاج  
عبدالرازق بن حسين دفرجمفان خاص کتوا ۲ امنو  
مقنای فرکارا ددالم تاجوق بوکو این یغ داداکن  
ددیوان بهاس دان فوستاک فد 22 هاریبولن  
دسیمبر، 1972، جم 9.00 فاکي.

Dikeluarkan oleh Ibu Pejabat UMNO Malaysia, Kuala Lumpur  
dan dicetak oleh Perchetakan MAS Sendirian Berhad, 31 & 33, Jalan Lima.  
di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur, Malaysia.

کراچان  
پمفوران  
قرايکاتن۔ قاس

